

Media Title : Utusan Malaysia  
Headline : Guru rugi RM362,399 terpedaya wakil pos laju, polis palsu  
Date : 23 November 2023  
Section : Dalam Negeri  
Page : 9



## Guru rugi RM362,399 terpedaya wakil pos laju, polis palsu

**KUANTAN:** Seorang guru berputih mata selepas kerugian RM362,399 gara-gara terpedaya dengan sindiket penipuan yang didalangi individu menyamar sebagai wakil pos laju dan pegawai polis palsu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, mangsa yang berusia 34 tahun dan menetap di Cameron Highlands, dekat sini terpedaya mel-

alui panggilan telefon dibuat suspek mengatakan terdapat bungkusan mencurigakan atas namanya.

“Berdasarkan siasatan awal, dalam kejadian yang berlaku sekitar Oktober lalu, melalui satu panggilan telefon suspek memberitahu mangsa dokumen tersebut terdiri daripada Mykad, kad kredit dan buku cek bank CIMB.

“Bungkusan itu dikatakan ditahan oleh pihak Pos Laju dan kemudiannya talian mangsa turut disambungkan kepada Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang serta Bukit Aman.

“Susulan itu juga mangsa kononnya disyaki terlibat dengan kes penggubahan wang haram dan penyeludupan dadah,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Yahaya

berkata, mangsa diberitahu akan dibantu dalam rayuan kes namun terlebih dahulu diarahkan membuat pindahan wang bagi tujuan siasatan.

“Tidak terhenti setakat itu, mangsa diminta membuat pinjaman di Bank Rakyat dan maklumat perbankan perlu diserahkan bagi tujuan siasatan.

“Mangsa diarahkan lagi membuat pindahan wang sim-

panan lain secara berperingkat ke akaun suspek bagi bayaran mahkamah, Bank Negara Malaysia dan audit hinggakan jumlah wang dipindahkan dianggarkan berjumlah RM362,399,” katanya.

Sementara itu, tambah beliau, mangsa kemudiannya gagal menghubungi suspek untuk mendapatkan pengesahan lanjut.